

# Sidek harap mampu laksana tugas

**P**UTRAJAYA: Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang baru, Tan Sri Sidek Hassan, berjanji melaksanakan tugas sebaik mungkin selepas diberi kepercayaan oleh Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan kerajaan bagi menyandang jawatan itu.

"Perasaan saya bercampur gembira dan bimbang apabila diberi kepercayaan oleh Perdana Menteri dan kerajaan untuk melaksanakan tugas Ketua Setiausaha Negara.

"Saya berharap mampu melaksanakan amanah itu sebaik mungkin," katanya selepas majlis penyerahan surat cara pelantikan dan nota serah tugas di Pejabat Perdana Menteri yang turut dihadiri Tan Sri Samsudin Osman, di sini, semalam.

Beliau yang sebelum ini memegang jawatan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Miti) akan mengambil alih jawatan KSN daripada Samsudin mulai Ahad ini.

Sementara itu, Samsudin berkata, Abdullah meminta mereka bekerjasama untuk memastikan sistem penyampaian perkhidmatan awam berjalan lancar.

"Tidak ada nasihat tetapi kami akan bertemu Isnin nanti dan berbincang dengan beliau mengenai beberapa perkara," katanya.

Bagaimanapun, beliau mengaku sedih untuk meninggalkan perkhidmatan awam selepas berkhidmat selama 37 tahun.

Katanya, beliau sudah melakukan yang terbaik mengikut kemampuannya dan bergantung kepada masyarakat menilainya.

"Saya akan merindui segala rutin dilakukan sebelum ini selepas berkhidmat selama 37 tahun. Tetapi sebagai manusia, kita mesti meneruskan hidup dengan membuat perkara lain dan saya mendoakan kejayaan Sidek sebagai KSN baru," katanya.



SERAH TUGAS: Samsudin menyerahkan dokumen serah tugas kepada Sidek (kiri) di Pejabat Perdana Menteri, semalam.

Sidek mula berkhidmat sebagai Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) pada 15 April 1974 sebagai Penolong Setiausaha Miti.

Beliau yang pernah berkhidmat sebagai Ketua Penolong Pengarah, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) mempunyai pengalaman luas di kementerian itu termasuk sebagai Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Sydney, Australia.

Antara jawatan yang pernah disandang di kementerian itu ialah

*"Saya gembira dan bimbang apabila diberi kepercayaan oleh PM dan kerajaan untuk laksanakan tugas"*

**Sidek Hassan**  
Ketua Setiausaha Negara (KSN) yang baru

Timbalan Pengarah Dasar, Bahagian Pembangunan dan Perindustrian, Timbalan Pengarah (Operasi) Bahagian Dasar dan Penyelidikan, Penasihat Hal Ehwal Ekonomi di Pejabat Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di Washington, Amerika Syarikat dan Pengarah Bahagian Perhubungan Pelbagai Hala.

Sidek dilantik Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan) kementerian pada 19 Januari 2001 seterusnya dinaikkan pangkat sebagai Ketua Setiausaha pada 24 Oktober 2004.